**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH,
JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-3371 6044, 3371 1376, 3371 6141 FAX : 03-3372 0344, 3374 2245
LAMAN WEB : www.mpklang.gov.my E-mel : aduan@mpklang.gov.my

## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

| BIL | TAJUK KERJA |
|---|---|
| 1 | No. Sebut harga : **MPK 400-10/2/3**<br>**KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBERSIH PEJABAT CAWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG, JALAN TENGKU KELANA** |

| TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN | TAKLIMAT (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP |
|---|---|---|---|
| **BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)**<br>&<br>KOD BIDANG<br>**221001 & 221002**<br>&<br>BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR<br>&<br>UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN) | **TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)**<br><br>**TARIKH : 18/04/2019 (KHAMIS)**<br>**MASA PENDAFTARAN : 9.00-9.30 pg**<br>**MASA TAKLIMAT : 9.30 pg**<br>**TEMPAT : Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana**<br><br>**Nota :**<br>*Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja.* | **MULAI : 22/04/2019 (ISNIN)**<br>**Penjualan secara Online**<br><br>*** Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web http://tender.selangor.gov.my untuk melancarkan proses pembelian dokumen.** | **TARIKH TUTUP : 29/04/2019 (ISNIN)**<br>**JAM : 12.00 TENGAH HARI**<br>Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan<br>**Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan.** |

**SYARAT-SYARAT :-**

1. Setiap dokumen Sebut Harga dijual dengan harga **RM 40.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara kredit kad dan debit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **22 APRIL 2019** di laman web **http://tender.selangor.gov.my** di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Penyebut Harga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang **http://tender.selangor.gov.my** sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **MOF**. Sekiranya gagal berbuat demikian penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen sebut harga tersebut.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti tertera di atas.
5. Penyebut Harga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Hanya **Penama** di dalam **Sijil Kementerian Kewangan (MOF)** yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak.
7. Penyebut Harga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **18 APRIL 2019** jam 9.00 - 9.30 pagi di Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
8. Penyebut Harga yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebut Harga.
9. Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** Kementerian Kewangan **(MOF), kad pengenalan** dan **Cop Syarikat** semasa hari taklimat.
10. Penyebut Harga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebut Harga dan Syarat-syarat Membuat Sebut Harga di dalam Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan Sebut Harga. Jika dokumen Sebut Harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
11. Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
12. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebut harga adalah pada **28 APRIL 2019**. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :
**BAHAGIAN UKUR BAHAN**
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**